



JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

KENYATAAN RASMI 8/2018

MENYANGGAH KEPERLUAN RATIFIKASI ICERD

1. Cadangan Ratifikasi ICERD dalam Malaysia akan menafikan kesepakatan “*kontrak sosial*” yang sudah lama dipersetujui antara kaum di negara ini sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Kesepakatan “*kontrak sosial*” akhirnya menatijahkan kejayaan setiap kaum dan etnik terhadap peranan masing-masing terhadap kemajuan dalam negara ini. Semangat yang ditonjolkan ini adalah hasil daripada ketinggian dan keluhuran perpaduan kaum yang diikat dan dimetarai dalam kerangka *Perlembagaan Persekutuan*.
2. Peranan Bumiputera Melayu Islam sebagai penduduk asal di negara ini diperakui berasaskan catatan sejarah sebagai satu bangsa yang sentiasa menyanjung tinggi nilai toleransi dan kesantunan bermasyarakat. Disamping itu, sikap menolak diskriminasi terhadap kaum-kaum yang lain dengan menerima dengan hati yang tulus ikhlas kedatangan mereka ke negara ini sebagai bukti layanan yang terhasil daripada nilai dan budi kaum bumiputera Melayu Islam.
3. Sikap yang dizahirkan ini adalah lahir daripada kesepaduan iman, amal dan adat tradisi ketimur yang diasuh, disemai dan dididik oleh agama dan nilai budi Melayu supaya menghormati nilai kemanusiaan walaupun berbeda bangsa, kaum, bahasa, budaya dan adat resam.

4. Sesuatu yang tidak boleh disangkal bahawa hasil daripada sikap toleransi tersebut, maka adalah wajar kedudukan Agama Islam dan Ketuanan Melayu seperti yang telah disepakati terutamanya Perkara 3(1) dan 153 Perlembagaan Persekutuan tidak sepatutnya dipertikai dan dicabar kerana ianya telah disepakati secara konsensus dan bijaksana oleh para pemimpin terdahulu dengan mengambil kira kepentingan semua kaum. Maka, Pihak kerajaan seharusnya tidak memperdulikan cadangan dan desakan untuk disahkan (ratified) ICERD ini kerana jika dibiarkan untuk dipolemikkan atas apa jua tujuan akan mengundang rasa tidak puas hati dan perpecahan yang ketara antara kaum.

5. Oleh yang demikian, saya mendesak agar pihak kerajaan yang dipertanggungjawabkan memelihara amanah ummah ini agar dapat mempertahankan keluhuran Perlembagaan yang telah disepaki sejak lebih 50 tahun lalu. Adalah menjadi suatu keperluan bagi rakyat dalam negara ini yang telah mengecapi kemakmuran mempertahankan kedaulatan negara ini daripada sebarang anasir dalaman dan luaran yang berhasrat mengganggu gugat keamanan negara ini.

Sekian, terima kasih.



Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

4 Rabiul Awal 1440 Hijrah (Isnin)
12 November 2018